

Tuesday, January 16, 2018



updated 4:15 AM UTC, Jan 16, 2018

1,700 Sertai 'MMA-SCHOMOS Charity Health Run 2018'

Januari 13, 2018 Ditulis oleh BeritaRTM Published in Nasional

PUTRAJAYA- Seramai 1,700 orang menyertai acara larian sihat sambil beramal MMA-SCHOMOS Charity Health Run 2018 yang diadakan buat julung kalinya di Taman Wetland hari ini.

Acara anjuran 'Section Concerning House Officers, Medical Officers and Specialists' (SCHOMOS) yang merupakan bahagian melibatkan doktor residen, pegawai perubatan dan pakar di bawah Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan doktor dan orang awam mengenai kesihatan fizikal dan mental.

Presiden MMA, Dr Ravindran R Naidu berkata gaya hidup golongan profesional seperti doktor dan orang ramai hari ini yang sentiasa sibuk dengan kerjaya dan kehidupan seharian menyebabkan peningkatan kes penyakit tidak berjangkit seperti diabetes.

Pada majlis itu , tiga organisasi iaitu Majlis Paralimpik Malaysia, Persatuan Psikiatri Malaysia dan Kids Athletics turut menyampai sumbangan bernilai RM 5,000.

Acara itu turut diserikan dengan kehadiran Presiden Kids Athletics Datuk Seri Raja Yong Sofia Almarhum Sultan Azlan Shah dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Datuk Seri Dr Chen Chaw Min.

((SUMBER: BERNAMA))

LAGI BERITA NASIONAL**BERITA RTM**